

05 APR 1996

Mahathir-Hayden

HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA TIDAK TERJEJAS OLEH KENYATAAN HAYDEN

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hubungan Malaysia dan Australia tidak akan terjejas berikutan kenyataan bekas pemimpin negara itu Bill Hayden yang membuat tuduhan tidak berasas terhadap kerajaan Malaysia.

Perdana Menteri berkata: "Ini kenyataan seorang ahli politik yang frustrated (kecewa)."

"Saya tidak akan membenarkan orang yang semacam ini, yang frustrated ini, hendak memburukkan hubungan kita dengan kerajaan baru Australia semata-mata kerana kerajaan ini bukan daripada kerajaan parti Bill Hayden," katanya selepas melancarkan majlis Sumbangan Pokok-Penghijauan Negara di sini hari ini.

Hayden, bekas Gabenor Jeneral Australia yang bersara Februari lalu, baru-baru ini menuduh Malaysia dan beberapa negara Asia lain mengamalkan dasar perkauman.

Hayden, yang juga bekas Menteri Luar Australia dari 1983 hingga 1987, dalam satu rancangan radio di Sydney mendakwa Dr Mahathir menjalankan diskriminasi terhadap kaum Cina dan kaum India di negara ini hidup dalam keadaan miskin dan daif.

Hubungan Malaysia dan Australia, yang tidak begitu baik, diperbaiki baru-baru ini dengan pertemuan antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Australia John Howard di Brisbane ketika Perdana Menteri singgah sebentar selepas melakukan lawatan rasmi ke New Zealand.

Mengenai peniaga-peniaga Melayu yang resah dengan kadar sewa premis yang tinggi sehingga mereka tidak mampu bersaing di kawasan yang dimonopoli oleh peniaga bukan Melayu atau di bandar-bandar baru, Dr Mahathir berkata kerajaan telah berusaha mengurangkan kadar sewa itu tetapi tidak boleh terlampau banyak.

"Kita dah bagi peluang kurang sedikit, tetapi nak kurang terlampau banyak tak boleh... yang jadi masalah bila kita mampu setakat satu tahap, kita nak kawasan yang lebih baik dan bila dah sampai ke tahap itu, kita nak yang lebih baik lagi, selalunya kita tak dapat," katanya.

Tinjauan sebuah akhbar baru-baru ini terhadap peniaga Melayu di kawasan-kawasan berkenaan mendapati mereka mungkin tidak mampu membayar sewa yang melebihi RM1,000 sebulan.

"Kalau kita ada modal RM1,000, kita buat perniagaan RM1,000 tak jadi masalah. Yang jadi masalah bila ada modal RM1,000 nak buat perniagaan RM10,000...bila esok dapat RM10,000 nak buat perniagaan RM100,000, jadi selalunya tak cukup," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada kadar sewa yang tinggi boleh menjejaskan persaingan peniaga Melayu dengan peniaga lain, Dr Mahathir berkata: "Kalau dia bayar sewa rendah tak patutlah tapi kalau dia bayar sewa yang sama, tak apalah." -- BERNAMA

NJ NAK